

## HUBUNGAN ANTARA PENGARUH MEDIA BERUNSUR AGRESIF TERHADAP TINGKAH LAKU LANGSANG PELAJAR TINGKATAN 4 DAN 5

Nur Aqilla Natasha Muhammad Zamri\*

Fakulti Sains Sosial, Universiti Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

Siti Marhamah Kamarul Arifain

Fakulti Sains Sosial, Universiti Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

\*Corresponding Author’s Email: [aqillanatasha60@gmail.com](mailto:aqillanatasha60@gmail.com)

### Article history:

Received : 4 Mei 2023

Accepted : 22 Jun 2023

Published : 29 September 2023

### ABSTRAK

Kegiatan jenayah yang kerap berlaku dalam kalangan pelajar adalah berpunca daripada media yang berunsur agresif. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh media berunsur agresif terhadap tingkah laku langsang pelajar tingkatan 4 dan 5 di SMK Seri Perak. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan iaitu dengan menggunakan soal selidik. Seramai 118 orang pelajar yang dipilih untuk menjadi responden kajian dalam kalangan pelajar tingkatan 4 dan tingkatan 5. Kajian ini menggunakan tiga soal selidik iaitu maklumat demografi, soal selidik *General Aggression Model* oleh Anderson dan Dill (2002) dan soal selidik *The Effect by Violent Media On Aggression* oleh Buss and Perry. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science, Version 25.0 (SPSS)*. Hasil kajian mendapat bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh media berunsur agresif terhadap tingkah laku langsang pelajar. Selain itu, dapatan kajian ini juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku langsang dalam kalangan pelajar tingkatan 4 dan 5 berdasarkan kaum, jantina dan tingkatan. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat membantu pihak sekolah, pihak kerajaan khususnya ibu bapa dalam menangani masalah tingkah laku langsang pelajar.

**Kata kunci:** Pengaruh; Media Berunsur Agresif; Tingkah Laku Langsang; Pelajar

## **THE RELATIONSHIP BETWEEN THE INFLUENCE OF AGGRESSIVE ELEMENTS ON DIRECT BEHAVIOR AMONG FORM 4 AND FORM 5 STUDENTS**

### **ABSTRACT**

*Criminal activities that often occur among teenagers are caused by aggressive media. This study aims to examine the influence of aggressive media on the casual behavior of students form 4 and 5 at SMK Seri Perak. This study was using a quantitative survey method. A total of 118 students were selected to be respondents of the study among students in form 4 and form 5. This study using three questionnaires which is demographic information, General Aggression Model questionnaire by Anderson and Dill (2002) and The Effect by Violent Media On Aggression questionnaire by Buss and Perry Aggression Questionnaire (1992). The data obtained was analyzed using Statistical Package For Social Science, Version 25.0 (SPSS) software. The results of the study found that there was a significant relationship between the influence of aggressive media on students aggressive behavior. In addition, the findings of the study also show that there was no significant difference between promiscuous behavior among form 4 and form 5 students based on race, gender and grade level. Therefore, this study is expected to be able to help the school authorities, government authorities especially parents in dealing with the problem of student misbehavior.*

**Keywords:** Influence; Aggressive Media; The Casual Behavior; Students

### **PENGENALAN**

Menurut Samsudin (2002), kegiatan jenayah yang seringkali berlaku dalam kalangan pelajar adalah berpunca daripada media yang berunsur agresif. Walaupun kemudahan seperti internet, email, televisyen dan sebagainya memudahkan seseorang untuk berkomunikasi, mendapatkan maklumat dan berhibur tetapi terdapat juga kesan-kesan negatif apabila kemudahan seperti ini digunakan secara berlebihan (Samsudin, 2002). Pelajar menyalahguna kemudahan internet untuk menyebarkan gambar-gambar lucu yang akan mendorong mereka untuk melakukan jenayah seperti merogol, memeras ugut dan sebagainya (Eron, 1982).

Mokhtar Muhammad (2019) menyatakan salah satu perubahan yang jelas dalam persekitaran sosial semasa adalah apabila radio, televisyen, filem, video, permainan video dan rangkaian komputer telah merosakkan peranan utama dalam kehidupan sehari-hari seseorang. Pengkaji tersebut turut menyatakan bahawa keganasan juga merupakan suatu bentuk hiburan. Terdapat pelajar yang suka menonton atau membaca berita jenayah ganas dan juga suka menonton filem yang mengandungi unsur-unsur agresif (Mokhtar, 2019). Filem, internet, televisyen dan media interaktif menonjolkan budaya barat yang mempunyai unsur-unsur buruk atau negatif telah menimbulkan masalah dalam perubahan tingkah laku fizikal, lisan, tidak lisan, antisosial dan jenayah dalam kalangan pelajar. Pengkaji tersebut turut

menyatakan bahawa aksi ganas yang ditonton dalam media akan mempengaruhi fikiran pelajar supaya berfikiran negatif. Beliau juga menyatakan bahawa perkara ini tidak dapat dibendung kerana kebanyakan mereka berusia di antara 12 hingga 20 tahun iaitu dianggap masih muda dan mentah. Pada tahap ini, mereka mudah dirangsang kerana mereka berada dalam proses perubahan ke alam baligh (Mokhtar, 2019). Oleh itu, para pelajar akan menggunakan maklumat yang banyak terpapar melalui media untuk diamalkan dalam tingkah laku sehari-hari mereka.

Samsudin (2001) menyatakan bahawa masalah tingkah laku agresif yang berlaku dalam kalangan pelajar akibat kesan daripada menonton media bercorak agresif telah lama wujud di Malaysia. Kajian beliau juga mendapati bahawa pelajar merupakan golongan yang paling banyak menggunakan media iaitu 21.3 hingga 22 jam seminggu dan meminati filem yang memaparkan aksi ganas, berahi, pembunuhan dan sebagainya. Kesan daripada pendedahan yang terlalu lama melalui media akan menyebabkan pelajar menjadi golongan yang sangat terpengaruh untuk mengikuti dan melakukan adegan ganas yang kerap dilihat di media. Menurut Kajian Penduduk Dan Keluarga Malaysia Kelima (KPJM-5) yang telah dijalankan oleh LPPKN pada tahun 2014 menjelaskan bahawa sebanyak 35.3% pelajar Malaysia telah terdedah kepada bahan pornografi. Sumber utama pemerolehan bahan lucu adalah daripada sumber-sumber internet dengan angka 60.8% selain telefon pintar, video CD dan bahan bercetak. Hasil kajian ini turut mendapati bahawa risiko terdedah kepada bahan pornografi lebih tertumpu kepada kumpulan pelajar yang berumur antara 18 hingga 24 tahun berbanding pelajar berumur 13 hingga 17 tahun (LPPKN, 2014).

Oleh itu, bahan yang mudah didapati melalui media sama ada positif atau negatif akan memberi kesan terhadap pembentukan sahsiah pelajar yang menonton bahan tersebut. Seseorang pelajar akan menjadikan bahan tontonan sebagai sumber untuk mempelajari sesuatu dan kemudiannya diamalkan dalam kehidupan. Kesannya, pelajar mudah terikut dengan perlakuan agresif yang ditonjolkan dalam bahan tontonan berkenaan yang mengakibatkan perubahan negatif terhadap sikap dan perangai pelajar berkenaan.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Pelbagai bentuk gejala sosial yang semakin berleluasa dalam kalangan pelajar yang akan mengakibatkan munculnya cabaran untuk mengatasi masalah tersebut. Masalah keganasan dalam kalangan pelajar tidak boleh dipandang remeh kerana ia merupakan masalah sosial yang menjadi pemangkin kepada pelbagai masalah sosial yang lain dimana ia boleh memusnahkan masa depan negara (Zaleha, 2010). Dalam erti kata lain, jika kekerasan di media massa semakin berlarutan, hal ini akan menimbulkan beberapa kesan yang tidak diingini, terutamanya terhadap perilaku kekerasan daripada generasi muda yang terlibat. Jadi, usaha pembangunan pelajar yang dilaksanakan mestilah dipantau supaya dapat memberikan kadar pulangan yang setimpal dengan kegiatan yang dilakukan oleh kerajaan.

Menurut pandangan Munir (2016) isu-isu sosial dalam kalangan pelajar di negara ini sebenarnya timbul daripada pengaruh media massa. Semakin banyak penggunaan media berunsur agresif, semakin tinggi kemunculan isu-isu sosial

pelajar. Buktinya, menurut laporan akhbar Harian Metro (2015), kadar peningkatan tingkah laku langsang dalam kalangan pelajar semakin menggerunkan apabila statistik menunjukkan jumlah kes jenayah membabitkan pesalah juvana meningkat sebanyak 111 peratus dalam tempoh setahun di mana berdasarkan statistik yang dikeluarkan Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 7816 kes dicatatkan pada 2013 berbanding hanya 3700 kes pada 2012 iaitu melibatkan peningkatan sebanyak 4116 kes. Perkara ini berlaku apabila kebanyakan pelajar terlibat dengan penyalahgunaan media sosial yang tidak terkawal.

Menurut Johari dan Raja Shahrina (2012), maklumat internet yang mudah dicapai dan diakses menyebabkan pengguna termasuk pelajar sekolah mampu mencari pelbagai jenis maklumat tanpa batasnya. Perkara ini lebih membimbangkan apabila sikap pelajar yang suka mengambil tahu dan mahu mencuba sesuatu yang baru menyebabkan mereka mampu mengaksesnya dengan begitu mudah dan pantas tanpa pengawasan daripada orang dewasa (Johari & Raja Shahrina, 2017). Kemudahan yang banyak terdapat dalam internet memberi banyak kesan sampingan kepada pelayar siber. Hal ini termasuklah pelajar sekolah mudah untuk mengakses laman yang tidak sihat dan boleh memudaratkan diri. Sikap pelajar yang sanggup ponteng sekolah semata-mata untuk ke kafe siber disebabkan ketagihan internet turut menjelaskan kesihatan diri dan pelajaran. Malahan negara juga turut memperolehi impak besar akibat daripada gejala yang tidak sihat gara-gara ketagihan internet (Johari & Raja Shahrina, 2017).

Masalah pengaruh media berunsur agresif dan kesannya terhadap tingkah laku langsang pelajar jika tidak dibendung akan menimbulkan kesan negatif terhadap pelajar termasuklah institusi sekolah. Individu yang terlibat dalam dunia pendidikan perlu menitikberatkan serta menanam kesedaran dalam diri pelajar tentang kesan daripada penggunaan media berunsur agresif supaya pelajar tidak mudah dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif daripada media sosial.

## OBJEKTIF KAJIAN

Pengkaji telah membina objektif kajian rentetan daripada permasalahan kajian. Objektif kajian adalah untuk:

- i. Mengenalpasti hubungan antara media berunsur agresif terhadap tingkah laku langsang pelajar tingkatan 4 dan 5 di SMK Seri Perak.
- ii. Mengenalpasti perbezaan tingkah laku langsang pelajar tingkatan 4 dan 5 berdasarkan kaum.
- iii. Mengenalpasti perbezaan tingkah laku langsang pelajar tingkatan 4 dan 5 berdasarkan tingkatan.
- iv. Mengenalpasti perbezaan tingkah laku langsang pelajar tingkatan 4 dan 5 berdasarkan jantina.

## HIPOTESIS KAJIAN

Berikut merupakan hipotesis kajian yang telah pengkaji jalankan:

- i. Terdapat hubungan antara media berunsur agresif terhadap tingkah laku langsang pelajar tingkatan 4 dan 5 di Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Perak.
- ii. Terdapat perbezaan tingkah laku langsang pelajar tingkatan 4 dan 5 berdasarkan kaum.
- iii. Terdapat perbezaan tingkah laku langsang pelajar tingkatan 4 dan 5 berdasarkan tingkatan.
- iv. Terdapat perbezaan tingkah laku langsang pelajar tingkatan 4 dan 5 berdasarkan jantina.

## SOROTAN KAJIAN

Media berunsur agresif yang kini semakin berleluasa di pelbagai platform bukan sahaja boleh merosakkan masa depan pelajar, malah ia juga boleh mempengaruhi tingkah laku mereka. Oleh itu, terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan sama ada dalam atau luar negara berkenaan media berunsur agresif dan kesannya terhadap tingkah laku pelajar.

Kajian yang dijalankan oleh Qian Zhang *et. al* (2013) bertujuan untuk mengkaji kesan keganasan media terhadap sikap agresif dalam kalangan pelajar cina dengan menggunakan ‘*Stroop Effect*’ yang telah diubahsuai. Dalam kajian ini seramai 74 pelajar telah dipilih untuk menjadi responden dimana 37 pelajar telah dipilih untuk menyertai kumpulan keganasan filem dan 37 orang telah dipilih untuk menyertai kumpulan filem tanpa keganasan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar yang mempunyai keagresifan yang tinggi mempunyai sikap agresif yang jauh lebih tinggi daripada pelajar yang mempunyai keagresifan ringan selepas menonton filem yang mengandungi unsur agresif. Hal ini terbukti bahawa filem yang mengandungi unsur agresif boleh menjelaskan sikap agresif pelajar di China dengan berkesan.

Kajian yang dijalankan oleh Bickam, Wright dan Huston (2000) mendapati pelajar yang kerap menonton media yang berunsur agresif adalah disebabkan jumlah saluran televisyen yang semakin bertambah pada setiap tahun. Secara keseluruhannya, Amerika telah mengalami pertambahan jumlah saluran televisyen satelit swasta iaitu sebanyak 10 saluran dalam jangka masa 5 tahun. Beliau juga mendapati bahawa masyarakat khususnya yang tinggal di ibu- ibu negara dapat mengakses program-program dari pelbagai televisyen di seluruh negara. Kajianya juga turut mendapati bahawa program-program yang ditayangkan seringkali menonjolkan kehidupan bebas dan penggunaan kata-kata kesat dengan mudah dapat dilihat. Oleh itu, pengkaji menyimpulkan bahawa semakin banyak bahan berunsur keganasan yang ditonton atau dibaca maka semakin kerap pelajar agresif mudah terdedah kepada tingkah laku agresif.

Kajian yang bertajuk pengaruh media sosial terhadap penampilan akhlak oleh Mohd Fadhil dan Mardzelah Makhsin (2021) bertujuan untuk mengenalpasti tahap kekerapan penggunaan media sosial dan hubungannya dengan penampilan tingkah

laku dalam kalangan pelajar kolej komuniti dari segi pergaulan, komunikasi, berpakaian dan penghiburan. Kajian ini dijalankan secara kualitatif iaitu dengan menggunakan kaedah kajian perpustakaan dengan membuat penelitian ke atau buku dan jurnal. Pengkaji juga mengatakan bahawa dapatan yang telah dikenalpasti menunjukkan terdapat banyak kebaikan dan keburukan media sosial terhadap pelajar khususnya dalam aspek yang dikaji. Pengkaji juga menyatakan bahawa kajian seperti ini amat penting kerana dapat menyedarkan pelajar bahawa media sosial boleh mempengaruhi akhlak yang negatif seterusnya membantu seluruh pendidik di semua peringkat memperbaiki sistem pengajaran mereka dengan menekankan elemen-elemen yang penting bagi mengelakkan berlakunya masalah sosial dalam kalangan pelajar lelaki mahupun perempuan.

Menurut Ab. Halim dan Zarin (2009) menyatakan kebanjiran isi kandungan yang negatif daripada media massa sama ada dari dalam atau luar negara telah mendarangkan banyak ancaman terutamanya terhadap pelajar Melayu Islam pada masa kini. Kajian ini dijalankan adalah bertujuan membincangkan satu kajian tentang pengaruh media massa ke atas sekumpulan pelajar Melayu di Sabak Bernam, Selangor. Kajian ini menggunakan satu set borang soal selidik ke atas seramai 398 pelajar Melayu daripada Tingkatan 4 di daerah yang berkenaan. Dapatan kajian ini menunjukkan tempoh pendedahan yang tinggi terhadap media massa telah memberi kesan negatif ke atas pegangan niai akhlak dan juga terhadap persepsi remaja Melayu ke atas keberkesanan pengajaran pendidikan akhlak yang diberikan. Dapatan ini juga membuktikan bahawa minat remaja terhadap bahan-bahan media massa yang berbentuk hiburan, jenaka, seram dan lucu turut memberi kesan negatif ke atas pegangan nilai akhlak para remaja.

## METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk kajian kuantitatif dengan penggunaan soal selidik kajian sebagai pengumpulan data. Chua (2011) pula menyatakan bahawa kajian penyelidikan yang menggunakan kaedah kuantitatif dilakukan dan dianalisis dengan menggunakan ujian statistik. Beliau juga menyatakan bahawa data-data ini wajib diukur bagi membuktikan kebolehpercayaan dan dapat digunakan untuk menguji teori, membina fakta dan menyatakan kewujudan perhubungan antara pembolehubah. Oleh itu, analisis statistik boleh dilakukan dengan menggunakan perisian komputer iaitu *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS).

Populasi bagi kajian ini adalah Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Perak yang terletak di Teluk Intan, Perak dan seramai 170 orang populasi dalam kalangan pelajar tingkatan 4 dan 5. Berdasarkan Jadual Persampelan Krejcie dan Morgan (1970), seramai 118 orang yang dipilih untuk menjadi responden kajian. Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah persampelan rawak mudah. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan soal selidik *General Aggression Model* yang telah dibina oleh Anderson dan Dill (2002) dan soal selidik *The Effect By Violent Media On Aggression* yang telah dibangunkan oleh Buss and Perry (1992).

## INSTRUMEN KAJIAN

Bahagian A akan menyediakan soal selidik yang berbentuk demografi. Antara maklumat yang disediakan di dalam bahagian ini adalah tingkatan, agama, kaum, jantina dan rancangan kegemaran mereka. Maklumat ini juga diperoleh adalah bertujuan untuk melihat perbezaan yang wujud dalam diri setiap responden kajian. Bahagian B merupakan soal selidik yang mengkaji kisah-kisah langsang yang kerap ditonton telah diadaptasi daripada soal selidik *General Aggression Model* yang telah dibina oleh Anderson dan Dill (2002). Tujuan soal selidik ini dibangunkan ialah untuk mengira tahap tingkah laku langsang dalam kalangan pelajar. Item ini mengandungi 35 item dan dibahagikan kepada kelangsangan fizikal, lisan, bukan lisan, seksual dan anti-sosial. Jadi, jumlah keseluruhan skor yang paling tinggi adalah 175 mata. Dengan ini, jumlah skor yang paling rendah menunjukkan responden mempunyai tahap keagresifan yang rendah dan skor yang paling tinggi menunjukkan tahap keagresifan yang paling tinggi. Untuk memastikan responden mudah untuk membuat persepsi terhadap tingkah laku langsang, pengkaji telah menggunakan pemeringkatan skala lima mata seperti berikut:

**Jadual 1:** Skala likert soal selidik *General Aggression Model*

Kenyataan	Point
Tidak Pernah	1
Sangat Jarang	2
Jarang	3
Kadang-Kadang	4
Kerap	5

**Jadual 2:** Pembahagian item dalam soal selidik General Aggression Model

Bil	Komponen Item	No. Item	Jumlah
1.	Fizikal	9, 13, 14, 15, 17, 20, 31	7
2.	Lisan	1, 10, 11, 12, 19, 21, 29	7
3.	Bukan Lisan	2, 7, 23, 26, 27, 34	6
4.	Seksual	5, 6, 16, 22, 24, 25, 28, 32	8
5.	Anti-Sosial	3, 4, 8, 18, 30, 33, 35	7
<b>Jumlah</b>			<b>35</b>

Bahagian C ialah mengenai soal selidik tingkah laku langsang. Soal selidik ini diadaptasi daripada soal selidik *The Effect By Violent Media On Aggression* yang telah dibangunkan oleh Buss and Perry (1992). Soal selidik ini bertujuan untuk mengetahui sama ada tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar agresif adalah disebabkan menonton kisah-kisah keganasan dalam media. Soal selidik ini

mengandungi 20 item yang terbahagi kepada 4 jenis subskala iaitu keganasan fizikal, lisan, permusuhan dan jenayah. Bagi memudahkan responden menjawab, pengkaji menggunakan pemeringkatan skala lima mata seperti berikut.

**Jadual 3:** Skala likert soal selidik The Effect By Violent Media On Aggression

Kenyataan	Point
Sangat Tidak Setuju	1
Tidak Setuju	2
Tidak Pasti	3
Setuju	4
Sangat Setuju	5

**Jadual 4:** Pembahagian item dalam soal selidik The Effect By Violent Media On Aggression

Bil	Komponen Item	No. Item	Jumlah
1.	Fizikal	1, 4, 8, 13, 16	5
2.	Lisan	2, 7, 10, 15, 19	5
3.	Permusuhan	3, 5, 11, 14, 18	5
4.	Jenayah	6, 9, 12, 17, 20	5
<b>Jumlah Item</b>			<b>20</b>

## HASIL KAJIAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa seramai 59 orang pelajar tingkatan 4 (50%) dan 59 orang pelajar tingkatan 5 (50%) di SMK Seri Perak yang terlibat dalam penyelidikan yang dijalankan. Selain itu, bagi kategori agama, seramai 48 orang responden beragama Islam (40.7%). Bagi agama Buddha pula, seramai 38 orang (32.2%) dan seramai 32 orang responden beragama Hindu (27.1%). Seterusnya, bagi kategori kaum pula, seramai 48 orang (40.7%) daripada kaum Melayu. Bagi Cina pula, seramai 38 orang (32.2%) dan bagi India pula seramai 32 orang (27.1%). Akhir sekali, seramai 29 orang (24.6 %) responden gemar menonton rancangan kartun, 30 orang (25.4 %) responden gemar menonton rancangan berbentuk hiburan, 29 orang (24.6 %) responden suka menonton rancangan aksi, 21 orang (17.8 %) responden gemar menonton rancangan berbentuk sukan dan 9 orang (2.6 %) responden gemar menonton rancangan selain daripada kartun, hiburan, sukan dan aksi.

## **Hasil Analisis Inferensi**

**Jadual 5:** Korelasi antara Media Berunsur Agresif dengan Tingkah Laku Langsang Pelajar

<b>Pembolehubah</b>	<b>Media Berunsur Agresif</b>	<b>Sig.</b>
Tingkah Laku Pelajar	.475	.000

P < 0.05

Keputusan analisis menunjukkan bahawa pekali kolerasi ialah ( $r = .475$ ) dimana nilai yang diperolehi ialah  $p = .000$  adalah lebih kecil daripada aras signifikan iaitu  $p < 0.05$ ). Oleh itu, terdapat hubungan yang signifikan antara media berunsur agresif dengan tingkah laku pelajar. ( $r = .475$ ,  $p < 0.05$ ). Maka, hipotesis diterima

**Jadual 6:** Analisis ANOVA Sehala Perbezaan Tingkah Laku Pelajar Langsang berdasarkan Kaum

<b>Item</b>	<b>Sum of Squares</b>	<b>Df</b>	<b>Mean Square</b>	<b>F</b>	<b>Sig</b>
Antara Kumpulan	54.674	2	27.337	.470	.626
Dalam Kumpulan	6687.485	115	58.152		
<b>Jumlah</b>	<b>6742.160</b>	<b>117</b>			

P > 0.05

Berdasarkan Jadual 6, nilai statistik bagi  $F = .470$  dengan nilai signifikan didapati melebihi daripada aras signifikan ( $p > 0.05$ ) iaitu .626. Maka, tidak terdapat perbezaan tingkah laku pelajar berdasarkan kaum.  $F = .470$ ,  $p > 0.05$ . Maka hipotesis ditolak.

**Jadual 7:** Analisis Ujian-T Perbezaan Tingkah Laku Langsang Pelajar Berdasarkan Tingkatan

<b>Tingkatan</b>	<b>N</b>	<b>df</b>	<b>Min</b>	<b>t</b>	<b>Sig</b>
4	59		30.25		
5	59	116	29.43	.583	.288

P > 0.05

Keputusan analisis menunjukkan bahawa nilai min pengaruh media berunsur agresif dalam kalangan pelajar tingkatan 4, 30.25 adalah lebih tinggi berbanding pelajar tingkatan 5 iaitu 29.43 dengan nilai  $t = .583$ . Bagi signifikan pula, jadual menunjukkan bahawa nilai  $p = .288$ . Oleh itu, nilai tersebut adalah lebih besar dari 0.05 dapatkan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara

tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar tingkatan 4 dan 5.  $t = .583$ ,  $p > 0.05$ . Maka, hipotesis ditolak.

**Jadual 8:** Analisis Ujian-t perbezaan tingkah laku langsang berdasarkan jantina

Jantina	N	df	Min	t	Sig
Lelaki	53		30.95		
Perempuan	65	116	28.93	1.449	.001

$P < 0.05$

Berdasarkan Jadual 8 di atas, hasil analisis mendapati bahawa nilai min pengaruh media berunsur agresif dalam kalangan pelajar lelaki, 30.95 adalah lebih tinggi berbanding pelajar perempuan iaitu sebanyak 28.93 dengan nilai  $t = 1.449$ . Bagi nilai signifikan pula, jadual ini menyatakan bahawa nilai  $p = .001$ . Oleh itu, nilai tersebut adalah lebih kecil dari 0.05 ( $p < .05$ ). Terdapat perbezaan tingkah laku langsang berdasarkan jantina pelajar ( $t = 1.449$ ,  $p < 0.05$ ). Oleh itu, hipotesis diterima.

## PERBINCANGAN

Hasil analisis mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara media berunsur agresif terhadap tingkah laku langsang pelajar. Hal ini menunjukkan semakin tinggi pengaruh media berunsur agresif, semakin tinggi tingkah laku langsang pelajar. Hasil kajian ini disokong oleh Siti Nur Adibah (2017) yang menyatakan terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh media massa terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar. Rancangan yang kerap dipaparkan dalam media massa yang berunsurkan keganasan dan kekerasan boleh mempengaruhi tingkah laku golongan pelajar. Selain itu, hasil kajian ini telah disokong oleh Qian Zhang et al. (2013) dimana hasil kajian yang dijalankan oleh pengkaji menunjukkan bahawa pelajar yang kerap menonton media yang mengandungi unsur agresif akan mempunyai sikap agresif yang jauh lebih tinggi berbanding pelajar yang mempunyai keagresifan ringan dimana pelajar tersebut jarang menonton media yang mengandungi unsur agresif. Hal ini terbukti bahawa media yang mengandungi unsur agresif boleh mengakibatkan tingkah laku langsang dalam kalangan pelajar China.

Hasil keputusan menunjukkan tidak terdapat perbezaan tingkah laku langsang dalam kalangan pelajar sekolah berdasarkan kaum. Pada zaman moden ini, tingkah laku yang dilakukan oleh setiap kaum tidak ada perbezaan kerana pelajar-pelajar ini berbeza dari segi kaum tetapi mereka banyak persamaan dalam bentuk tingkah laku dan terutamanya kekerapan menonton program media massa. Hasil kajian pengkaji disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Assyaadah (2017) yang mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan tingkah laku pelajar berdasarkan kaum. Hal ini demikian kerana, majoriti responden yang berada di lokasi kajian adalah adalah terdiri daripada bumiputera Sabah yang berbilang suku kaumnya dimana tidak terdapat langsung perbezaan dari segi tingkah laku. Hasil kajian ini juga telah

disokong oleh Adiku Intan (2017) yang menyatakan bahawa tidak terdapat perbezaan antara tingkah laku agresif berdasarkan kaum. Hal ini demikian kerana, pengkaji mendapati bahawa jumlah kekerapan responden yang paling tinggi adalah terdiri daripada kaum melayu. Selain itu, pengkaji juga turut menyatakan kaum terbesar di Malaysia juga merupakan kaum Melayu berbanding kaum-kaum lain.

Hasil keputusan menunjukkan tidak terdapat perbezaan tingkah laku langsang pelajar berdasarkan tingkatan. Menurut Nadya (2021), internet mempunyai kaitan dengan tingkah laku agresif kerana individu itu sendiri yang bertanggungjawab untuk mendorong dirinya sendiri ke arah positif atau negatif dalam penggunaan internet. Dapatkan kajian ini disokong oleh Rice, Huston dan Wright (1987) yang menyatakan bahawa walaupun terdapat banyak jenis keganasan dalam media, tidak semua pelajar yang terpengaruh dan mengakibatkan wujudnya tingkah laku yang agresif. Selain itu, kajian ini juga selari dengan kajian Bradley dan Cuthbert (1997) yang menyatakan walaupun media memaparkan pelbagai jenis keganasan, tetapi masih ramai pelajar yang tidak terpengaruh sehingga melakukan tingkah laku liar. Dapatkan kajian ini bertentangan dengan Sohana (2016), yang mana internet juga memberi impak positif kepada pelajar dan mereka juga berpeluang untuk memilih antara yang bermanfaat mahupun sebaliknya. Oleh itu, mereka perlulah menyeimbangkan penggunaan internet yang boleh mengganggu mereka supaya tidak terjerumus ke arah keburukan yang akan menjaskan identiti dan jati diri mereka sebagai pelajar.

Hasil keputusan menunjukkan terdapat perbezaan tingkah laku langsang berdasarkan jantina pelajar. Kajian ini juga disokong oleh Azizi, Ismail dan Peter (2018) yang mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dalam ciri-ciri program media berunsurkan agresif yang ditonton antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Pengkaji juga menyatakan hasil dapatkan kajian adalah bersesuaian dengan Teori Pembelajaran Sosial Bandura yang menyatakan jantina model memainkan peranan dalam peniruan tingkah laku. Pelajar perempuan didapati lebih menggemari program berbentuk ilmiah dan informasi kerana ia bersesuaian dengan watak jantinanya yang mempunyai tingkah laku kurang agresif dan takut untuk menonton kisah-kisah yang memaparkan aksi. Pelajar lelaki pula lebih menggemari program-program media yang dapat menggambarkan kewujudan secara asli kerana bersesuaian dengan watak jantinanya yang lebih agresif dan berani untuk melihat aksi-aksi ganas secara langsung melalui media.

## CADANGAN UNTUK KAJIAN LANJUTAN

Pengkaji berharap agar kajian ini dapat memberi cadangan kepada pengkaji lain dalam menambahbaik dan meluaskan skop kajian ini. Kajian ini menumpukan pengaruh keganasan media massa memberi kesan kepada tingkah laku agresif. Hasil kajian hanyalah berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pelajar-pelajar agresif. Oleh itu, dicadangkan supaya kajian-kajian akan datang dapat menggunakan pelbagai jenis latar belakang seperti pelajar yang mempunyai prestasi akademik yang baik, pelajar yang mempunyai prestasi akademik yang sederhana dan rendah. Hal ini kerana, faktor-faktor ini juga mempunyai pengaruh keganasan yang memberi kesan terhadap tingkah laku langsang pelajar. Bukan itu sahaja, pengkaji juga

dicadangkan agar kajian akan datang menggunakan responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar agresif yang bersekolah di sekolah-sekolah pemulihan. Oleh itu, kajian ini dapat dilakukan dalam kalangan pelajar-pelajar yang benar-benar agresif dan mempunyai pelbagai jenis kesalahan jenayah. Maka sudah pasti dapatan kajian yang diperolehi akan mempunyai kesahan yang lebih baik.

Selain itu, pengkaji-pengkaji akan dating juga dicadangkan untuk menggunakan kaedah penyelidikan berbentuk sebab dan akibat untuk melihat kesan pengaruh media massa terhadap tingkah laku agresif dalam kalangan pelajar sekolah. Kajian-kajian sedemikian akan dapat memantapkan lagi dapatan kajian kerana ia dapat mengawal pelajar-pelajar yang ingin dikaji.

Akhir sekali, dalam kajian ini pengkaji telah mengemukakan andaian bahawa pengaruh media berunsur agresif akan mempengaruhi tingkah laku langsang pelajar. Oleh itu, pengkaji akan datang dicadangkan untuk menjalankan kajian-kajian dengan menggunakan analisis daripada pelbagai faktor bagi menentukan tingkah laku langsang dalam kalangan pelajar supaya dapat mengenalpasti faktor-faktor tertentu yang lebih tinggi memberi pengaruh kepada masalah ini.

## KESIMPULAN

Masalah tingkah laku langsang dalam kalangan pelajar akibat pengaruh daripada media berunsur agresif merupakan masalah yang semakin membimbangkan dan meningkat pada masa kini. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mencari jalan penyelesaian dan menghuraikan beberapa persoalan mengapa situasi ini berlaku.

Selain itu, media massa memainkan peranan penting dalam menyebarkan atau memberi maklumat serta pengetahuan yang berfaedah kepada masyarakat terutama golongan pelajar kerana golongan ini merupakan golongan yang mudah untuk dimanipulasi minda dan pemikiran mereka. Maka, media yang berunsur agresif tidak seharusnya ditayangkan atau disiarkan dengan terlalu banyak dan ia harus disiarkan dalam kadar yang paling minimum supaya pihak bertanggungjawab dapat mengawal tingkah laku langsang dalam kalangan pelajar. Di samping itu, ibu bapa, guru dan masyarakat sekeliling juga memainkan peranan penting dalam memantau dan mengawas penggunaan media massa oleh golongan pelajar pada masa kini. Hal ini bertujuan supaya tingkah laku langsang yang ditunjukkan dalam kalangan pelajar dapat dibendung dan dikawal. Hasil kajian yang dijalankan oleh pengkaji juga turut menunjukkan keputusan yang positif mengenai hubungan antara pengaruh media berunsur agresif terhadap tingkah laku langsang dalam kalangan pelajar.

Seterusnya, hasil kajian pengkaji juga telah dibincangkan dengan mengambil kira dapatan-dapatan kajian lain dalam dan luar negara. Implikasi kajian kepada pihak-pihak yang terlibat juga turut disertakan dalam kajian ini supaya masalah tingkah laku langsang dalam kalangan pelajar dapat diatasi dengan sebaik-baiknya.

## RUJUKAN

- Abd. Halim Dan Zarin (2009). Hubungan Antara Pegangan Nilai Moral Dengan Media Massa: Tinjauan Ke Atas Remaja Melayu Luar Bandar. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Abdul Munir Ismail (2016). Pengaruh Media Massa Terhadap Akhlak Pelajar. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Adiku Intan Najihah (2017). Pengaruh Keganasan Dalam Media Massa Memberi Kesan Kepada Tingkah Laku Agresif Pelajar Di Rumah Budak Laki-Laki Tun Abdul Aziz, Durian Daun, Melaka. Kolej Universiti Islam Melaka.
- Azizi Yahaya, Ismail Maakip dan Peter Voo (2018), Pengaruh Media Berunsur Agresif Dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Pelajar Sekolah Menengah, Universiti Malaysia Sabah.
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological Review*, 84(2), 191–215. <https://doi.org/10.1037/0033-295X.84.2.191>
- Beatrice Loan, Tatiana Lov, Andrei Dan Irina Streba (2013), Implications Of Media Violence On The Aggression In Children And Adolescents. Alexandru Ioan Cuza University”.
- Bickham, Wright Dan Huston (2001). Attention, Comprehension And The Educational Influences Of Television
- Campbell D. dan Fiske D. (1959). “Convergent and Discriminant Validation” in *Psychological Bulletin*, Vol. 56, h. 81-105.
- Charles D (1999). *The Media And Modernity*. Cambridge: Polity Press
- Chua (2011). Kaedah Dan Statistik Penyelidikan: Buku 1 Kaedah Penyelidikan. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Dill, K. E., Anderson, C. A., Anderson, K. B., & Deuser, W. E. (1997). Effects of aggressive personality on social expectations and social perceptions. *Journal of Research in Personality*, 31, 272-292.
- Eron, L. D. (1982). Parent-Child Interaction, Television Violence, And Aggression of Children. *American Psychologist*, 37(2), 197–211. <https://doi.org/10.1037/0003-066X.37.2.197>
- Fraenkel, JR & Wallen NE (2007). *How to Design and Evaluate Research in Education* (6th). Singapore: McGraw Hill.
- Heinich, R., Molenda, M., Russel, J. D., & Ely, D.P. (1991). The vacuous vision: The TV medium. *Journal of the University Film Association*, 32, 27 – 32.
- Johari Hassan & Raja Shahrina (2012). Ketagihan Penggunaan Internet Di Kalangan Remaja Sekolah Tingkatan 4 Di Bandaraya Johor Bahru. Universiti Teknologi Malaysia.
- Krejcie And Morgan (1970). Determining Sample Size For Research Activities. *Educational And Psychological Measurement*. Universiti Of Minnesota And Texas A. & M. University.
- Lily, Maimun, Ashinida & Mus'Ab (2018). Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Strategi Pembelajaran Kolokasi Bahasa Arab: Analisis Menggunakan Model Rasch. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fadhil Dan Mardzelah Makhsin (2021), Pengaruh Media Sosial Terhadap Penampilan Akhlak. Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Hamdan Haji Adnan (2015). Peranan Media Massa Memartabatkan Integriti Nasional. *Jurnal Komunikasi Borneo*. Vol 2. Hlmn.57-74.
- Mohd Majid Konting (1998). *Kaedah Penyelidikan*, cetakan ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 202.

- Mokhtar Muhammad (2019), Media Violence Contents And Its Effect On The Audience. Universiti Teknologi MARA.
- Muhammad Zharif (2019). Hubungan Antara Pengaruh Media Dengan Tingkah Laku Agresif Di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Rahmat Melaka. Kolej Universiti Islam Melaka
- Nadia Hamid. (22 Oktober 2017). Remaja, Kanak-Kanak Ketagihan Internet Serius. BH Online. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/10/340635/remaja-kanak-kanak-ketagihan-internet-serius>
- Noradilah, Mohd Sani Dan Rossidi Usop (2018), Kandungan Bahan Dalam Media Massa Yang Menarik Minat Pelajar, Kajian Di SMK Daerah Pasir Puteh, Kelantan. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Nor Hayati, Bani Hidayat Dan Amri (2020), Media Berunsur Agresif Dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Pelajar. Politeknik Nilai, Negeri Sembilan.
- Nurul Nadya (2021). Pengaruh Media Massa Terhadap Tingkah Laku Agresif Dalam Kalangan Remaja Tingkatan Lima Sekolah Menengah Agama Bugisiah Tampok Benut.
- Nurul Syafiqah (2017). Hubungan Antara Pengaruh Media Massa Dan Konsep Kendiri Dengan Tingkah Laku Agresif Pelajar Sekolah Menengah Seri Setia Seremban Negeri Sembilan.
- Qiang Zhang, Dingyong Xiong Dan Jingjin Tian (2013), Impact Of Media Violence On Aggressive Attitude For Adolescents. Southwest University, Chongqing, China.
- Regoli, R.M. dan Hewitt, J.D. (1991). *Delinquency in Society*. 4th Edition. New York: McGraw Hill.
- Huston, A. C., Wright, J. C., Rice, M. L., Kerkman, D., & St. Peters, M. (1990). Development of television viewing patterns in early childhood: A longitudinal investigation. *Developmental Psychology*, 26(3), 409–420.
- Rosly Kayar (2007), Kelangsangan Dalam Media Dan Kesannya Terhadap Tingkah Laku Agresif Pelajar. Universiti Teknologi Malaysia.
- Sabitha Marican. 2005. Kaedah penyelidikan sains sosial. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.
- Samsudin A. Rahim (2002). Media dan Identiti Budaya: Ke Arah Membangunkan Industri Kandungan Tempatan Yang Berdaya Tahan. *Jurnal Komunikasi* Vol 17 : 67-80.
- Siti Nabihah Binti Nordin (2020). Hubungan Pengaruh Keganasan Media Massa Memberi Kesan Kepada Tingkah Laku Agresif Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Haji Abdul Malek, Melaka.
- Sohana Abdul Hamid (2016). Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial. *Jurnal e-Bangi*, 1 (Special Issue, October), 214-226.
- Statistik Moral Remaja Kita. (11 Mac 2015). Harian Metro.
- Siti Nur Adibah (2017). Hubungan Antara Pengaruh Media Massa Terhadap Tingkah Laku Agresif Dalam Kalangan Pelajar. Fakulti Sains Sosial. Kolej Universiti Islam Melaka.
- Wan Norina, Wan Hamat, Zaharah Hussin, Ahmad Fkrudin, Mohamed Yusoff Dan Ahmad Arifin (2013), Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak

- Pelajar Islam Politeknik Malaysia. Politeknik Ungku Omar Dan Universiti Malaya.
- Wan Su Hj Haron. (2009). Hubungan Personaliti, Kemahiran Sosial, Kebimbangan Dan Rakan Sebaya Dengan Tingkah Laku Devian Di Kalangan Pelajar Universiti. (Tesis Master). Universiti Utara Malaysia
- Zaleha Yaacob (2010). Pengaruh Keganasan Dalam Media Terhadap Tingkah Laku Agresif Remaja. Universiti Teknologi Malaysia.